



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)  
[www.ijepec.com](http://www.ijepec.com)



**MERAPATKAN JURANG PENDIDIKAN UNTUK KOMUNITI  
KENSIU: PENILAIAN INISIATIF PENDIDIKAN LEMBAGA  
ZAKAT NEGERI KEDAH**

*BRIDGING EDUCATIONAL GAPS FOR THE KENSIU COMMUNITY: AN  
EVALUATION OF LEMBAGA ZAKAT KEDAH'S EDUCATIONAL INITIATIVE*

Mohd Sobhi Ishak<sup>1\*</sup>, Azizah Sarkowi<sup>2</sup>, Mohd Faisal Mustaffa<sup>3</sup>, Fadhilah Mohd Sobhi<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: msobhi@ukm.edu.my

<sup>2</sup> Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Darulaman, Malaysia

Email: azizah.sarkowi@ipgm.edu.my

<sup>3</sup> Lembaga Zakat Negeri Kedah, Malaysia

Email: faisal@zakatkedah.com.my

<sup>4</sup> Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: fadhilahmsobhi@gmail.com

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 17.07.2025

Revised date: 10.08.2025

Accepted date: 17.09.2025

Published date: 10.10.2025

**To cite this document:**

Ishak, M. S., Sarkowi, A., Mustaffa, M. F., & Sobhi, F. M. (2025). Merapatkan Jurang Pendidikan Untuk Komuniti Kensi: Penilaian Inisiatif Pendidikan Lembaga Zakat Negeri Kedah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (60), 339-355.

DOI: 10.35631/IJEPC.1060024

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Kajian ini menilai keberkesanan inisiatif Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dalam meningkatkan hasil pendidikan komuniti Kensi, satu subkumpulan orang asli di Kedah yang berhadapan dengan cabaran pendidikan disebabkan faktor geografi, sosio-budaya, bahasa, dan tahap kesedaran ibu bapa yang rendah. Walaupun Malaysia menekankan pendidikan inklusif, jurang pencapaian komuniti Kensi kekal ketara. Bagi menangani isu ini, LZNK melaksanakan program pendidikan Islam melalui pelantikan mubaligh zakat, penglibatan komuniti, serta sokongan logistik seperti pengangkutan, peralatan, dan bantuan kewangan. Kajian kualitatif ini menggunakan Model Penilaian Program CIPP (Context, Input, Process, Product), dengan data diperoleh daripada temu bual pentadbir sekolah, guru, pegawai LZNK, serta lima pelajar Kensi, disokong analisis dokumen dan pemerhatian lapangan. Dapatan menunjukkan peningkatan dalam keyakinan diri, kemahiran kepimpinan, penghargaan agama, dan pencapaian akademik. Kesimpulannya, inisiatif LZNK membuktikan potensi untuk menutup jurang pendidikan orang asli Kensi melalui pendekatan bersepadu yang menggabungkan sokongan agama, komuniti, dan institusi pendidikan.

**Kata Kunci:**

Orang Asli, Kensiu, Zakat, Model Penilaian Program

**Abstract:**

This study evaluates the effectiveness of the Kedah Zakat Board (LZNK) initiative in improving educational outcomes for the Kensiu community, a subgroup of the indigenous people in Kedah, Malaysia, who face persistent challenges due to geographical isolation, socio-cultural barriers, language difficulties, and low parental awareness. Despite Malaysia's commitment to inclusive education, the educational attainment of the Kensiu remains a concern. To address these issues, LZNK introduced an Islamic education program through the appointment of zakat missionaries, community engagement activities, and logistical support including transportation, equipment, and financial aid. This qualitative study applied the CIPP Program Evaluation Model (Context, Input, Process, Product), with data collected through interviews with school administrators, teachers, LZNK officers, and five Kensiu students, supported by document analysis and field observations. Findings reveal improvements in students' self-confidence, leadership skills, religious appreciation, and academic achievement. In conclusion, LZNK's educational initiatives demonstrate significant potential to bridge the educational gap of the Kensiu by integrating religious, community, and institutional support in a holistic approach.

**Keywords:**

Aborigin, Kensiu, Alms-Giving, Program Evaluation Model

***Pengenalan***

Orang Asli adalah penduduk asal yang mendiami beberapa negeri di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan rekod dalam portal rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sehingga 31 Disember 2024, terdapat seramai 221,098 bilangan orang asli di Malaysia yang terdiri daripada tiga suku kaum utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto (JKOA, 2024). Orang asli Kensiu daripada suku kaum Negrito adalah satu-satunya etnik orang asli yang menetap di negeri Kedah. Mereka tinggal di Kampung Lubok Legong, Baling, Kedah. Statistik menunjukkan jumlah mereka kini adalah seramai 311 orang (JKOA, 2024). Secara tradisi, orang Kensiu hidup berpindah randah mencari makanan. Namun, proses pembangunan telah menukar corak kehidupan mereka sehingga wujudnya perkampungan tetap dalam kawasan tersebut.

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2013), kanak-kanak orang asli merupakan kumpulan murid yang berbeza keadaan dari segi ekonomi, geografi, dan budaya dengan murid arus perdana. Pembangunan pendidikan kepada masyarakat orang asli Kensiu di Kedah baharu sahaja bermula dalam tahun 2018. Berdasarkan rekod Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB, 2018), pada permulaan dahulu, hanya seorang daripada 20 pelajar lelaki dan seorang daripada 23 pelajar perempuan belajar di sekolah kebangsaan manakala kesemua lima pelajar lelaki dan empat daripada sembilan pelajar perempuan mengikuti pengajian di sekolah menengah kebangsaan. Bilangan kecil ini menunjukkan bahawa pendidikan orang asli masih terkebelakang berbanding kelompok masyarakat yang lain.

Menyedari keperluan untuk memberi pendidikan ilmu agama Islam kepada masyarakat Kensiu, Sekolah Zakat Kedah telah memulakan pengambilan seramai enam orang murid Kensiu untuk mengikuti pengajian agama sepenuhnya bermula dari tingkatan satu di Maahad Dini Sik pada tahun 2020. Program ini adalah usaha dakwah kepada masyarakat orang asli Kensiu sebagai usaha fardhu kifayah Lembaga Zakat Kedah kepada masyarakat. Inisiatif Lembaga Zakat Kedah ini juga bertepatan dengan keperluan pendidikan khusus murid ini bagi mencapai kesaksamaan Pendidikan (Daud & Wahid, 2025). Perkara ini juga selari dengan konsep 'Pendidikan untuk Semua 2030' dalam Matlamat Pembangunan Lestari yang dirangka oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu agar tidak berlaku keciciran dalam pendidikan di Malaysia. Kajian-kajian di seluruh dunia membuktikan keterlibatan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah elemen yang perlu diberi tumpuan bagi mengelak keciciran pendidikan (antaranya Ariffin, 2024; Mammadov, Topchyan & Berisha, 2024).

Justeru, kajian penilaian secara formatif semasa tempoh awal program perlu dijalankan bagi mengenal pasti penambahbaikan pelaksanaan program ini. Kajian yang berfokus kepada pelajar orang asli Kensiu ini amat penting untuk mewujudkan pembangunan pendidikan lebih tersusun kepada mereka. Objektif utama kajian ini ialah bagi mengenal pasti keberkesanan inisiatif program pendidikan yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Kedah.

### **Permasalahan Kajian**

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2013), kanak-kanak orang asli merupakan kumpulan murid yang berbeza keadaan dari segi ekonomi, geografi, dan budaya dengan murid arus perdana. Pembangunan pendidikan kepada masyarakat orang asli Kensiu di Kedah masih rendah. Berdasarkan rekod Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW, 2018) seramai 20 pelajar lelaki dan 23 pelajar perempuan belajar di sebuah sekolah kebangsaan manakala kesemua lima pelajar lelaki dan empat daripada sembilan pelajar perempuan mengikuti pengajian di sekolah menengah kebangsaan di Baling, Kedah. Bilangan kecil ini menunjukkan bahawa pendidikan orang asli masih terkebelakang berbanding kelompok masyarakat yang lain, apatah lagi dalam konteks pendidikan formal agam Islam.

Menyedari keperluan untuk memberi pendidikan ilmu agama Islam kepada masyarakat Kensiu, Sekolah Zakat Kedah telah memulakan pengambilan seramai enam orang murid Kensiu untuk mengikuti pengajian agama sepenuhnya bermula dari tingkatan satu di Maahad Dini Sik pada tahun 2020. Program ini adalah usaha dakwah kepada masyarakat orang asli Kensiu sebagai usaha fardhu kifayah Lembaga Zakat Kedah kepada masyarakat sebagaimana firman Allah SWT dalam surah At-Taubah, ayat 22:

*“Tidak sepatutnya bagi mukminin itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya.”*

Inisiatif Lembaga Zakat Kedah ini juga bertepatan dengan keperluan pendidikan khusus murid ini bagi mencapai kesaksamaan Pendidikan. Perkara ini juga selari dengan konsep 'Pendidikan untuk Semua 2030' dalam Matlamat Pembangunan Lestari yang dirangka oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu agar tidak berlaku keciciran dalam pendidikan di Malaysia. Kajian-kajian di seluruh dunia membuktikan keterlibatan murid dalam proses pengajaran dan

pembelajaran adalah elemen yang perlu diberi tumpuan bagi mengelak keciciran pendidikan (antaranya Ariffin, 2024; Mammadov, Topchyan & Berisha, 2024; Westphal et al., 2024).

Justeru, kajian penilaian secara formatif semasa tempoh awal program perlu dijalankan bagi mengenal pasti penambahbaikan pelaksanaan program ini. Kajian yang berfokus kepada pelajar orang asli Kensiu ini amat penting untuk mewujudkan pembangunan pendidikan lebih tersusun kepada mereka.

## Sorotan Literatur

### *Model Pelaksanaan Kajian*

Kajian ini menggunakan model penilaian *Context, Input, Process, Product (CIPP)* (Stufflebeam, 2003). Model ini dihasilkan oleh Daniel Stufflebeam (1960) dan dianggap model berorientasikan keputusan yang mengumpul maklumat secara sistematik mengenai sesuatu program untuk mengenal pasti kekuatan dan limitasi dalam kandungan atau penyampaian, sebagai usaha meningkatkan keberkesanan program atau perancangan program pada masa depan (Gerayllo et al., 2025; Chanthalangsy et al., 2024; Suryana, Husna & Mahyuddin, 2023). Penggunaan model ini biasanya memfokus kepada penilaian berorientasikan pengurusan sebagaimana digambarkan dalam kerangka empat tahap penilaian model ini.

Fokus model ini adalah kepada penambahbaikan berterusan dengan menumpukan kepada empat fasa atau aspek program iaitu matlamat keseluruhan atau *Context Evaluation*, perancangan dan sumber atau *Input Evaluation*, aktiviti, komponen atau *Process Evaluation* dan keberhasilan, objektif atau *Product Evaluation* (Yale University, 2021).

Proses penilaian berpandukan CIPP disusun secara sistematik dengan meneliti setiap satu aspek. Keadaan ini akan membolehkan program mengenal pasti komponen penting untuk dinilai berdasarkan peringkat penilaian. Konteks kajian ini ialah program pendidikan orang asli Kensiu yang ditempatkan di sekolah zakat. Pengkaji meneliti sumber dan latar belakang yang dinyatakan dalam program seperti skop penilaian dan sokongan kepada pelaksanaan program. Berasaskan matlamat aspek penilaian konteks ini, penerokaan terhadap maklumat latar belakang dan konteks budaya adalah komponen yang diberi perhatian.

Dalam fasa Penilaian Input pula, penilaian berfokus kepada mengenal pasti pemegang taruh utama dan menilai bajet program. Pada peringkat ini, maklumat mengenai perancangan dan strategi untuk pelaksanaan termasuk sumber manusia dan tempoh masa diteliti. Fasa Penilaian Proses aktiviti program akan dinilai dengan memfokuskan kepada penambahbaikan berterusan (apakah yang telah dilaksanakan, adakah dilaksanakan dengan sebaiknya, dan apakah yang perlu diberi penekanan untuk dibuat perubahan?). Akhirnya, pengkaji menggunakan CIPP untuk Penilaian Produk iaitu mengukur keberhasilan program dan sejauh mana keberkesanan keberhasilan itu dapat diperlihatkan.

### *Metodologi Kajian*

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berpandukan model Penilaian Program CIPP yang merangkumi empat fasa: Penilaian Konteks, Input, Proses, dan Produk. Penyelidikan ini menggunakan pensampelan bertujuan untuk memastikan bahawa sampel yang dipilih dapat menghasilkan data yang relevan untuk mencapai objektif kajian. Kajian ini hanya melibatkan murid suku Kensiu yang dibiayai oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah dan sedang mengikuti pendidikan menengah di Sekolah Maahad Dini Sultan Abdul Halim, Sik, Kedah.

Pengumpulan data dijalankan daripada 14 April 2022 hingga 20 September 2023. Kaedah temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian digunakan dalam proses pengumpulan data. Temu bual melibatkan lapan orang informan yang terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman, Pegawai-pegawai di LZNK, dan Pengetua, guru-guru, kaunselor serta warden di Maahad Dini Sultan Abdul Halim

**Jadual 1 : Senarai Informan Kajian**

| Kod Informan | Nama dan Organisasi                                             |
|--------------|-----------------------------------------------------------------|
| 1            | Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman   |
| 2            | Ketua Bahagian Pendidikan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman |
| 3            | Pendakwah Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman                 |
| 4            | Pengetua Maahad Dini Sultan Abdul Halim                         |
| 5            | Kaunselor Maahad Dini Sultan Abdul Halim                        |
| 6            | Penolong Kanan Ko-kurikulum Maahad Dini Sultan Abdul Halim      |
| 7            | Warden Maahad Dini Sultan Abdul Halim                           |
| 8            | Guru Kelas Maahad Dini Sultan Abdul Halim                       |

Temu bual juga melibatkan lima orang murid orang asli Kensiu bagi mengesahkan maklumat yang diterima daripada informan. Data dianalisis secara tematik berdasarkan empat fasa model penilaian program dan dibincangkan secara naratif.

### **Keputusan dan Perbincangan**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengimplementasikan model CIPP bagi penilaian inisiatif pendidikan LZNK. Memandangkan kajian ini adalah kualitatif, para penyelidik telah menjalankan analisis tematik dan kandungan. Berikut adalah tema-tema yang dibincangkan secara terperinci:

### **Penilaian Konteks**

#### ***Sejarah Peluang Pendidikan Kepada Masyarakat Orang Asli Suku Kensiu***

Sejarah pendidikan komuniti Kensiu di Kedah memperlihatkan interaksi kompleks antara usaha individu, institusi agama, dan masyarakat. Penubuhan sekolah zakat khusus bagi anak-anak Kensiu bukan sahaja mencerminkan intervensi pendidikan, tetapi juga menandakan strategi transformasi sosial untuk mengubah kedudukan marginal komuniti ini dalam arus pembangunan negara.

Menurut Informan 1, titik awal perubahan bermula sekitar tahun 2005 apabila masyarakat Kensiu menjadi salah satu sasaran dakwah melalui penubuhan Pusat Bimbingan Saudara Baharu (PUSBA) di Sungai Petani. Dari inisiatif ini lahir seorang pelajar Kensiu yang kemudian dikenali sebagai Ustaz Ubal – individu pertama daripada komuniti Kensiu yang berjaya menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebelum melanjutkan pengajian ke universiti. Kisah kejayaan beliau bukan sekadar pencapaian peribadi, tetapi berfungsi sebagai “cerita rujukan” (*reference story*) yang memperlihatkan potensi anak Orang Asli untuk berjaya apabila diberikan akses pendidikan yang setara.

Sebagaimana ditekan oleh Informan 1:

*“Kita berharap anak-anak yang diberi peluang pendidikan di Sekolah Zakat akan menjadi generasi yang akan meneruskan legasi pembangunan agama yang telah dimulakan.”*  
(Informan 1)

Petikan ini mencerminkan aspirasi institusi zakat untuk membina kesinambungan pendidikan agama dalam kalangan generasi muda Kensiu. Dalam kerangka sosiologi pendidikan, hal ini boleh ditafsirkan sebagai proses reproduksi budaya di mana pendidikan agama dijadikan instrumen utama membentuk identiti kolektif dan solidariti komuniti. Ia juga menunjukkan bagaimana naratif kejayaan individu digunakan sebagai alat mobilisasi sosial bagi menggerakkan sokongan komuniti terhadap pendidikan.

Dapatan ini konsisten dengan hujah Aini et al. (2019) bahawa strategi dakwah berhikmah memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap perubahan. Dalam konteks Kensiu, pendidikan berfungsi bukan sekadar untuk pemerkasaan akademik, tetapi juga sebagai wadah membina legitimasi sosial dan spiritual dalam ekosistem masyarakat mereka.

### ***Latar Belakang Murid***

Kajian ini melibatkan tujuh orang murid suku Kensiu yang memulakan pengajian di Maahad Dini Sultan Abdul Halim pada tahun 2022. Mereka terdiri daripada seorang murid perempuan Tingkatan 1, tiga orang murid Tingkatan 2 (seorang lelaki dan dua perempuan), serta tiga orang murid Tingkatan 3 (seorang lelaki dan dua perempuan). Kesemua murid berasal dari Kampung Orang Asli Lubuk Legong, Mukim Siong, Baling, Kedah dan sebelumnya mendapat pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Siong. Menurut Informan 3, majoriti ibu bapa mereka bekerja kampung dengan pendapatan rendah, malah sebahagian keluarga ini bergantung kepada bantuan zakat yang disalurkan LZNK.

Dalam sesi temu bual, murid-murid ini didapati mampu bertutur dengan baik dalam Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi harian di sekolah. Namun, mereka tetap mengekalkan bahasa Kensiu sebagai bahasa identiti, khususnya ketika berinteraksi sesama rakan sebaya. Seorang murid menjelaskan:

*“Kalau ada soalan susah, kami akan cakap semula dalam bahasa Kensiu... senang kawan-kawan faham.”* (Murid Kensiu)

Penggunaan bahasa Kensiu dalam konteks pendidikan menunjukkan bahawa identiti linguistik komuniti ini masih kukuh meskipun terdedah kepada bahasa arus perdana. Situasi ini menegaskan dapatan Adam et al. (2022) bahawa penutur asli di Ulu Legong masih berusaha mengekalkan bahasa Kensiu walaupun ia dikategorikan sebagai bahasa Austroasiatik yang berisiko pupus (Andaya, 2002; Mohamed Sultan et al., 2016; Hamzah, Ummah & Halim, 2024).

Selain aspek bahasa, cabaran utama yang dikenal pasti ialah tahap rendah penguasaan asas literasi agama, khususnya bacaan al-Quran dan penulisan jawi. Analisis dokumen menunjukkan murid Kensiu hanya berada pada tahap Iqra' 2 sebelum mengikuti intervensi Program Transformasi Pemantapan al-Quran dan Penulisan Jawi. Seorang guru yang ditemu bual menyatakan:

*“Kenal huruf pun kadang lupa... jadi kita mula semula dari Iqra’ 1 dan 2.”* (Informan 5)

Kelemahan ini menguatkan dapatan Ramli dan Dawood (2021) yang melaporkan bahawa tahap kesedaran pendidikan murid Kensiu berada pada tahap sederhana, banyak dipengaruhi faktor persekitaran, peribadi, dan sikap ibu bapa yang masih rendah kepeduliannya terhadap pendidikan formal anak-anak. Keadaan ini semakin mencabar apabila pandemik COVID-19 (2019–2022) menjejaskan aktiviti pembelajaran agama, termasuk bacaan Iqra’ dan al-Quran (Yahaya et al., 2022).

Dapatan ini menunjukkan bahawa latar belakang sosioekonomi, identiti linguistik, dan tahap literasi agama yang rendah membentuk konteks unik murid Kensiu. Walaupun berhadapan kekangan, kemampuan mereka mengekalkan bahasa ibunda dan kesediaan mengikuti intervensi pendidikan zakat menunjukkan wujudnya ruang transformasi yang boleh digerakkan melalui pendekatan holistik merangkumi sokongan akademik, sosioemosi, dan agama.

### ***Penilaian Input***

#### ***Peranan LZNK dan Dakwah Berhikmah***

Usaha membawa masyarakat Kensiu keluar daripada keterasingan pendidikan bukan sekadar inisiatif akademik, tetapi turut berfungsi sebagai strategi dakwah berhikmah. Menurut Informan 1, murid Kensiu semasa di sekolah rendah sukar bersosialisasi dengan rakan daripada etnik lain, malah ramai yang menamatkan pengajian setakat sekolah rendah sahaja. Bagi menjambatani jurang ini, LZNK melantik seorang bekas murid Kensiu yang pernah berjaya di PUSBA sebagai mubaligh zakat. Sebagai anak tempatan, beliau diyakini lebih memahami budaya dan hati budi masyarakatnya.

Peranan mubaligh tempatan ini signifikan kerana beliau mampu membina kepercayaan komuniti melalui pendekatan yang lembut dan dekat dengan pengalaman harian masyarakat Kensiu. Seperti yang ditegaskan Aini et al. (2019), strategi komunikasi dakwah yang berasaskan empati dan pemahaman budaya lebih berkesan dalam membina penerimaan perubahan sosial dalam kalangan Orang Asli.

#### ***Program Sosialisasi Awal***

Intervensi awal yang dijalankan melalui program Kem Bestari Solat di Bendang Man, Sik pada tahun 2018 memperlihatkan penerimaan positif anak-anak Kensiu. Menurut Informan 2:

*“Selepas daripada program itu, kita telah dapat membina hubungan akrab dengan mereka (pelajar Kensiu) dan kita nampak kesungguhan mereka daripada program pertama. Pelajar Kensiu ini rupanya sangat aktif ketika dalam program. Sampai waktu tengah malam pun mereka masih kuat dan bertenaga.”* (Informan 2)

Pengalaman ini menunjukkan bahawa penglibatan anak-anak Kensiu dalam aktiviti berasaskan agama berjaya memecahkan tembok keterasingan mereka. Ia juga membuktikan bahawa pendidikan tidak boleh dipisahkan daripada pendekatan komuniti yang mesra budaya.

### ***Strategi membangun Kepercayaan Komuniti***

Seterusnya, LZNK memperkuat hubungan dengan komuniti Kensiu melalui program kemasyarakatan seperti majlis perkahwinan besar-besaran di kampung pada tahun 2018. Program ini membuka ruang interaksi yang lebih intim antara institusi zakat dan komuniti, seterusnya diikuti dengan skim bantuan bulanan berupa *food bank* dan bantuan kewangan. Hubungan yang erat ini mencetuskan keyakinan dalam kalangan keluarga Kensiu terhadap LZNK. Kepercayaan yang terbina menjadi asas kepada cadangan membuka peluang pendidikan formal untuk anak-anak Kensiu di sekolah zakat.

### ***Menginstitusikan Pendidikan di MDSAHA***

Cadangan ini akhirnya melakar sejarah baharu apabila buat pertama kali anak Kensiu dihantar melanjutkan pengajian menengah di Maahad Dini Sultan Abdul Halim (MDSAHA) pada tahun 2019. Sekolah ini, asalnya sebuah Sekolah Agama Rakyat (SMA Al-Ihsaniah), diambil alih sepenuhnya oleh LZNK dan dijenamakan semula. Pada tahun 2022, MDSAHA dinaik taraf sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dengan peruntukan pembangunan fizikal dan tenaga pengajar bertauliah. Informan 1 menjelaskan visi jangka panjang inisiatif ini:

*“Kita akan melihat kesan program ini dalam tempoh 20 tahun akan datang... tidak mustahil dalam tempoh hampir 15 tahun ini mereka akan berubah dan mampu mengubah kaum mereka.”* (Informan 1)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa inisiatif pendidikan dilihat bukan sekadar intervensi jangka pendek, tetapi pelaburan strategik dalam membentuk modal insan Kensiu untuk masa depan.

### ***Sokongan Kepimpinan Sekolah***

Kepimpinan sekolah turut memberi komitmen penuh terhadap visi LZNK. Pengetua menekankan bahawa kejayaan murid Kensiu harus melampaui batas kampung asal mereka:

*“Kita bukan sahaja mahu sebolehnya mereka jadi imam surau di kampung, bahkan mereka boleh imam di luar kampung mereka suatu hari nanti.”* (Informan 4)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa pihak sekolah berusaha menanam aspirasi lebih luas, selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 yang menekankan kepelbagaian sebagai asas perkongsian pengalaman pendidikan. Hasrat pengetua untuk menjadikan MDSAHA sebagai *Maahad Dini terbaik di Kedah* menjelang 2025 memperlihatkan komitmen institusi terhadap transformasi kualiti akademik dan sahsiah murid.

Bahagian input ini memperlihatkan bagaimana strategi intervensi LZNK berjalan secara berperingkat bermula dengan membina kepercayaan komuniti melalui mubaligh tempatan, program sosial, bantuan kebajikan, sehinggalah kepada penginstitusian pendidikan formal di sekolah zakat. Proses ini membuktikan bahawa keberhasilan pendidikan untuk komuniti minoriti terpinggir tidak dapat dipisahkan daripada pendekatan dakwah, empati budaya, dan kerjasama antara institusi pendidikan serta komuniti setempat.

## **Penilaian Proses**

### ***Strategi Pengambilan dan Persetujuan Komuniti***

Pelaksanaan program pendidikan untuk anak Kensiu dimulakan dengan pengambilan enam murid pertama pada tahun 2019. Proses ini tidak melalui saringan formal tetapi dilaksanakan secara langsung dengan kerjasama mubaligh zakat dan Tok Batin. Hal ini menunjukkan pentingnya jaringan sosial tempatan dalam membina kepercayaan awal. Namun, bagi kohort seterusnya, pihak sekolah memperkenalkan prosedur temuduga bagi menilai asas akademik dan kemahiran membaca al-Quran. Seperti ditegaskan Informan 6:

*“Proses pengambilan pelajar Kensiu dibuat seperti pelajar lain juga, ada temuduga... Soalan akademik seperti soalan matematik asas digunakan dalam sesi saringan temuduga.”* (Informan 6)

Pendekatan ini memperlihatkan usaha institusi pendidikan mengimbangi inklusiviti sosial dengan akauntabiliti akademik, agar proses integrasi murid Kensiu setara dengan murid lain.

### ***Sokongan Kewangan dan Logistik***

Faktor kewangan menjadi cabaran utama bagi keluarga Kensiu. Namun, sokongan berbentuk biasiswa, tajaan bank, dan pengangkutan yang disediakan oleh LZNK membuktikan keberkesanan intervensi institusi dalam mengurangkan beban keluarga. Informan 2 menegaskan:

*“Sebuah bank telah bermurah hati menyediakan wakalah sebanyak RM500... LZNK telah menguruskan proses pembelian dengan menyediakan pengangkutan.”* (Informan 2)

Langkah ini membuktikan bahawa intervensi pendidikan tidak boleh dilihat terpisah daripada konteks sosioekonomi. Hal ini sejajar dengan Bakar et al. (2022), Ariffin (2024) dan Hashim et al. (2024) yang menekankan bahawa keberkesanan pendidikan komuniti terpinggir bergantung pada penyediaan sokongan menyeluruh melibatkan aspek logistik dan kebajikan.

### ***Adaptasi kepada Kehidupan Asrama***

Transisi dari kehidupan desa ke persekitaran asrama memberi cabaran besar kepada murid Kensiu. Pemisahan daripada aktiviti rutin seperti bermain di sungai atau bekerja di ladang menimbulkan rasa kehilangan. Seperti kata Informan 3:

*“Bila cuti sekolah, ibu bawa mereka tidur dalam hutan... permainan mereka panjat pokok, buaian, main buat rumah.”* (Informan 3)

Cabaran ini bukan sahaja bersifat material tetapi juga emosi, di mana murid perlu membina semula identiti dalam persekitaran yang asing. Namun, strategi sokongan seperti penyediaan pengangkutan, lawatan ibu bapa, dan bimbingan warden berjaya mengurangkan tekanan transisi.

### ***Cabaran Sosialisasi dan Identiti***

Pada peringkat awal, murid Kensiu mengalami rasa terasing kerana perbezaan bahasa, budaya, dan stereotaip negatif. Seperti diakui Informan 3:

*“Budak-budak orang asli ni, mereka cepat terasa. Bila tersilap cakap sikit, terus tak mahu pergi sekolah...”* (Informan 3)

Cabaran ini memperlihatkan bahawa pendidikan formal berfungsi bukan sahaja sebagai ruang akademik tetapi juga sebagai arena perundingan identiti. Guru dan pihak sekolah bertindak sebagai agen pengantara budaya dengan mengadakan sesi perbincangan bersama murid lain bagi mengelakkan diskriminasi dan buli. Hal ini menunjukkan bagaimana institusi pendidikan boleh membentuk persekitaran yang lebih inklusif.

### ***Intervensi Akademik dan Keagamaan***

Kelemahan asas bacaan al-Quran menjadi isu utama kumpulan pertama murid Kensiu. Guru mengambil pendekatan sabar dengan mengajar semula dari tahap Iqra' 1 dan 2. Informan 5 menyatakan:

*“Kenal huruf semula, ada baris pun tak berapa nak ingat... mula balik dari Iqra' 1 dan 2.”* (Informan 5)

Kesungguhan guru ini membuktikan komitmen profesionalisme pendidikan yang tinggi. Program Transformasi Pemantapan al-Quran dan Penulisan Jawi yang dijalankan selepas itu menunjukkan peningkatan signifikan, termasuk pencapaian pelajar dalam subjek Dini (Informan 4). Intervensi ini selari dengan Noble et al. (2021) yang menekankan bahawa sokongan guru dalam konteks literasi asas adalah faktor kritikal mengurangkan risiko keciciran pelajar.

### ***Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Berbeza***

Guru di Maahad Dini menggunakan pembelajaran terbeza, modul jawi J-QAF, serta strategi hafazan pagi untuk menyesuaikan pengajaran dengan tahap murid Kensiu. Selain itu, aktiviti ko-kurikulum seperti pidato, pengucapan awam, muzik, dan seni digunakan untuk membina keyakinan murid. Informan 4 menegaskan:

*“Setiap perhimpunan pagi saya nak pelajar bercakap... bila budak berani dia tak ada rasa rendah diri.”* (Informan 4)

Pendekatan kreatif ini menunjukkan bagaimana guru menyesuaikan pedagogi mengikut kecenderungan pelbagai kecerdasan murid, termasuk kinestetik dan muzikal. Strategi ini bukan sahaja meningkatkan penguasaan akademik, tetapi juga membina efikasi sendiri.

### ***Peranan Warden dan Hidup Berasrama***

Warden memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah murid, termasuk disiplin kebersihan dan sendiri. Pada awalnya, cabaran kutu dan kebersihan diri memerlukan intervensi intensif:

*“Awal-awal tu kutu la apa... puaslah sebulan proses untuk kutu sahaja.”* (Informan 5)

Namun, lama-kelamaan murid berjaya menyesuaikan diri, malah kelompok awal menjadi pembimbing kepada kumpulan seterusnya (Informan 6, 7). Proses ini memperlihatkan dinamik pembelajaran sosial, di mana pengalaman generasi awal menjadi model rujukan kepada generasi kemudian.

### ***Sosialisasi melalui Makanan dan Aktiviti Harian***

Temu bual bersama murid menunjukkan bahawa pengalaman yang paling menyeronokkan di asrama adalah makan bersama. Seperti kata Informan 6:

*“Mungkin kat kampung mereka tak dapat makan macam duduk di asrama... kalau hari lauk sedap tu makcik-makcik kantin pun tau dah gelagat mereka.”* (Informan 6)

Dalam perspektif sosiologi, makanan bukan sahaja memenuhi keperluan fizikal tetapi berfungsi sebagai medium membina ikatan sosial. Ia memperkukuh proses sosialisasi murid Kensiu dalam persekitaran baharu.

Bahagian proses ini memperlihatkan bagaimana pendidikan untuk murid Kensiu bukan sekadar melibatkan pengajaran akademik, tetapi satu proses transformasi sosial, emosi, dan budaya. Strategi sokongan kewangan, pedagogi kreatif, bimbingan warden, dan pendekatan mesra budaya merupakan faktor utama yang membolehkan murid Kensiu menyesuaikan diri. Walaupun cabaran bahasa, budaya, dan perasaan rendah diri masih wujud, pengalaman ini menunjukkan pentingnya sinergi antara institusi zakat, sekolah, guru, dan keluarga dalam membina keberhasilan pendidikan komuniti minoriti.

### ***Penilaian Produk***

Peluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat menengah di Maahad Dini Sultan Halim telah memberi kesan kepada murid orang asli Kensiu. Walau bagaimanapun dapatan kajian ini hanya terhad kepada pencapaian dalam tempoh masa yang terhad. Perbincangan terhadap pencapaian objektif program meliputi aspek keyakinan diri dan bakat kepimpinan, penghayatan agama, pencapaian akademik dan kokurikulum serta hubungan guru dan murid.

### ***Keyakinan Diri dan Bakat Kepimpinan***

Dapatan kajian menunjukkan transformasi signifikan terhadap keyakinan diri murid Kensiu setelah melalui pengalaman sosial di Maahad Dini. Pada peringkat awal, mereka lebih selesa bergaul sesama sendiri, tetapi dalam tempoh dua minggu perubahan ketara berlaku. Seorang guru mengakui:

*“Mereka duduk dalam kelompok mereka sahaja... seminggu dua minggu juga. Lepas tu mereka dah boleh bergaul”* (Informan 6).

Proses adaptasi ini bukan sahaja membina keyakinan, malah melahirkan bakat kepimpinan. Murid Tingkatan 3 dilantik sebagai biro asrama dan menunjukkan keberanian menegur serta membimbing rakan. Peranan kepimpinan ini penting kerana mereka juga menjadi rujukan bagi murid Kensiu yang lebih muda. Sebagaimana dinyatakan seorang guru:

*“Kami dapat kesan mereka ni ada dua orang ketua. Kalau ada masalah pun ketua-ketua inilah yang akan beritahu kepada cikgu”* (Informan 6).

Fenomena ini menandakan munculnya kapasiti kepimpinan *endogenous*, iaitu kepimpinan yang berakar daripada komuniti sendiri tetapi berkembang dalam ruang pendidikan formal.

### ***Penghayatan Agama***

Transformasi keagamaan murid Kensiu memperlihatkan keberhasilan pendidikan berasaskan zakat sebagai instrumen pembangunan sosial. Walaupun program pendidikan ini baru berusia tiga tahun, dapatan menunjukkan berlaku proses pengukuhan nilai agama yang ketara. Pada peringkat awal, cabaran utama ialah mengeluarkan murid dari kampung halaman mereka yang terpisah daripada tradisi pendidikan formal Islam. Namun, keberhasilan program dapat dikesan melalui tiga dimensi utama:

#### ***Praktik Ibadah dan Kepimpinan Rohani***

Kejayaan paling signifikan ialah kemunculan murid Kensiu yang mampu memimpin solat sebagai imam serta mengetuai bacaan doa dalam majlis rasmi sekolah. Keberanian tampil di ruang awam ini menunjukkan berlakunya perubahan identiti daripada penerima pasif kepada agen agama yang aktif. Seorang guru berkongsi:

*“Bila mereka balik kampung saya ada juga buat kelas mengaji... budak-budak dari maahad saya ajar al-Quran. Mereka alhamdulillah berbeza daripada budak yang sekolah kat kampung”* (Informan 3).

Lebih penting, kepimpinan ibadah ini tidak terhenti di sekolah tetapi dibawa pulang ke kampung, di mana murid Kensiu kini menjadi imam dan bilal di surau komuniti mereka. Hal ini memperlihatkan satu bentuk dakwah *endogenous* yang tumbuh dari bawah dan mampu memperkukuh jaringan sosial berasaskan agama.

#### ***Pengetahuan Agama dan Literasi al-Quran***

Selain penguasaan bacaan al-Quran yang meningkat dengan jelas, murid Kensiu juga menunjukkan kemahiran menjawab soalan berkaitan sirah dan ilmu asas Islam. Dapatan ini menandakan keberkesanan pendekatan pengajaran berasaskan Kurikulum Bersepadu Dini dalam memperkukuh kefahaman agama. Proses pembelajaran agama di sini bukan sahaja bersifat ritual, tetapi juga kognitif dalam membentuk asas literasi agama yang lebih luas. Sebagaimana dinyatakan seorang guru:

*“Dari segi bacaan dan pemahaman, bila kita soal, mereka boleh jawab. Ramai angkat tangan nak jawab. Bila kita soal sejarah nabi, kelahiran ... semua yang berkaitan dengan agamalah, ramai dah boleh jawab dengan tepat.”* (Informan 3).

#### ***Identiti, Penampilan dan Kesedaran Akhlak***

Perubahan penampilan murid Kensiu, khususnya murid perempuan, tidak boleh dilihat semata-mata sebagai simbol pakaian, tetapi lebih jauh sebagai manifestasi pemantapan nilai Islam yang mula membentuk semula jati diri mereka. Transformasi ini memperlihatkan bagaimana pendidikan agama berfungsi sebagai mekanisme pemantapan nilai, di mana murid bukan sahaja mempraktikkan syariat secara lahiriah, tetapi turut menzahirkan kesedaran moral dan spiritual yang mendalam. Beberapa guru mengungkap rasa terkejut terhadap perubahan ketara ini:

*“Kita juga terkejut sebenarnya anak orang asli boleh pakai tudung labuh, ini memang satu perkembangan yang baik”* (Informan 2).

Konsistensi dalam berpakaian sopan dan menutup aurat menunjukkan tahap penghayatan agama yang tinggi, malah berlaku secara istiqamah. Seperti dinyatakan seorang guru:

*“Mereka banyak perubahan dah. bila keluar rumah pakai tudung. Pakaian dah tutup aurat”* (Informan 5).

*“Kesedaran tutup aurat berjaya. Mereka ambil wuduk, lepas tu pakai stoking semula.”* (Informan 7).

Apa yang signifikan, perubahan ini tidak hanya berlaku di ruang sekolah, tetapi juga terbawa pulang ke kampung. Walaupun menutup aurat merupakan amalan yang asing dalam budaya Kensiu, murid tidak berasa kekok, sebaliknya menjadikannya identiti baharu yang menandakan keberhasilan pemantapan agama. Seorang guru merumuskan hal ini dengan jelas:

*“Pelajar yang dihantar ke Maahad Dini ini ada perubahan dari segi penampilan pakaian, adab sopan. Yang perempuan sentiasa menutup aurat walaupun main, mandi sungai ke apa semua di kampung”* (Informan 3).

Lebih daripada itu, murid perempuan Kensiu turut menunjukkan kepekaan moral terhadap keadaan sekitarnya. Rasa sedih yang diluahkan apabila melihat rakan sebaya mereka tidak bertudung menggambarkan perubahan kesedaran nilai yang lebih mendalam:

*“Mereka ada cerita, mereka sedih bila jumpa dengan kawan-kawan kat kampung tidak bertudung. Perasaan ini menunjukkan penghayatan agama mereka yang tinggi”* (Informan 8).

### ***Pencapaian Akademik Dan Kokurikulum***

Pencapaian akademik dan kokurikulum murid Kensiu menunjukkan bahawa pendidikan formal yang disokong LZNK bukan sahaja meningkatkan literasi agama, tetapi juga membuka ruang pembinaan jati diri holistik meliputi keyakinan diri, kepimpinan insaniah, disiplin, seni, dan pengetahuan akademik. Lebih penting, dapatan ini membuktikan bahawa apabila diberi ruang dan bimbingan, murid Kensiu mampu mengintegrasikan identiti budaya mereka dengan tuntutan pendidikan arus perdana, sekaligus memperkukuh teori pendidikan inklusif dalam konteks komuniti minoriti.

### ***Sukan sebagai Medium Sosialisasi dan Keyakinan Diri***

Sukan terbukti menjadi ruang penting bagi murid Kensiu untuk membina keyakinan diri dan keterampilan sosial. Seorang murid berjaya mendapat tempat ketiga dalam acara lontar peluru peringkat daerah, manakala kumpulan lain aktif dalam sepak takraw dan olahraga. Lebih menarik, aktiviti memanah menjadi medium yang dekat dengan tradisi komuniti Kensiu kerana menyerupai aktiviti menyumpit. Hal ini ditegaskan oleh seorang guru:

*“Mereka aktif dalam sukan... daripada 25 sukan kita masuk, tiga sampai ke peringkat daerah iaitu sepak takraw, olahraga dan lontar peluru. Anak orang asli dapat nombor tiga. Mereka dah tak malu... boleh berlatih dengan sekolah lain, boleh berinteraksi dengan orang luar dengan baik”* (Informan 6).

Keterlibatan ini memperlihatkan proses sosialisasi silang budaya, di mana murid Kensiu belajar berinteraksi dengan pelajar dari latar belakang lain, sekali gus mengikis rasa malu dan terasing.

### ***Seni, Muzik dan Identiti Budaya***

Selain sukan, seni dan muzik menjadi medium lain yang menghubungkan pengalaman pembelajaran formal dengan warisan budaya Kensiu. Kecenderungan terhadap muzik memupuk minat murid terhadap nasyid, sehingga salah seorang murid Kensiu kini menjadi tekong kumpulan nasyid sekolah. Murid perempuan pula menunjukkan keberanian melalui persembahan lagu patriotik semasa sambutan Hari Kemerdekaan.

*“Sukan sekolah ada memanah. Ini salah satu yang anak-anak orang asal suka. Mereka panggil sumpit.”* (Informan 6).

Kecenderungan ini menunjukkan bahawa aktiviti kokurikulum bukan sahaja ruang ekspresi, tetapi juga wadah pemeliharaan identiti budaya dalam konteks pendidikan moden.

### ***Pengucapan Awam dan Kepimpinan Insaniah***

Penyertaan dalam pidato telah membina keupayaan murid Kensiu untuk menyusun idea dan berhujah secara terbuka. Perkembangan ini penting kerana ia menandakan peralihan daripada sikap introvert kepada keupayaan tampil di ruang awam. Aktiviti ini juga membina asas kepimpinan pelajar melalui kemahiran komunikasi, keyakinan diri dan keupayaan berfikir kritis.

### ***Pembinaan Disiplin melalui Sekolah Watak***

Kerjasama LZNK dengan Angkatan Pertahanan Awam (APM) menghasilkan program “sekolah watak” yang menekankan kawad dan latihan berpasukan. Dapatan temu bual menunjukkan murid Kensiu menyambut baik aktiviti ini kerana mereka dapat mempraktikkan disiplin, kepatuhan, dan semangat kolektif.

### ***Akademik: Cabaran Bahasa dan Intervensi***

Dalam bidang akademik, cabaran utama murid Kensiu ialah penguasaan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Untuk menangani kelemahan asas, sekolah melaksanakan Program Transformasi Pemantapan al-Quran dan Penulisan Jawi. Program ini melibatkan bimbingan intensif, hadiah mingguan untuk murid terbaik, serta lawatan sambil belajar.

Data diagnostik menunjukkan peningkatan signifikan bacaan al-Quran. Contohnya, murid yang hanya mampu membaca Iqra' 2 pada awalnya berjaya meningkat sehingga ke tahap al-Quran dalam tempoh program (lihat Jadual 2). Program ini bukan sahaja meningkatkan literasi agama, tetapi juga motivasi, kepercayaan diri, serta hubungan guru-murid dalam suasana pembelajaran yang menyokong.

**Jadual 2 : Pencapaian Kemahiran Bacaan Al-Quran**

| Murid | Sebelum | Semasa<br>(Minggu 3) | Selepas  |
|-------|---------|----------------------|----------|
| 1     | Iqra' 2 | Iqra' 4              | Al-Quran |
| 2     | Iqra' 2 | Iqra' 3              | Al-Quran |
| 3     | Iqra' 2 | Iqra' 3              | Iqra' 6  |
| 4     | Iqra' 2 | Iqra' 3              | Iqra' 5  |
| 5     | Iqra' 2 | Iqra' 3              | Iqra' 5  |
| 6     | Iqra' 2 | Iqra' 3              | Al-Quran |
| 7     | Iqra' 2 | Iqra' 3              | Iqra' 5  |

Sumber: Rekod Kemahiran Bacaan Al-Quran Pelajar MDSA H

### ***Subjek Akademik Lain***

Selain itu, murid Kensi menunjukkan pencapaian baik dalam Pendidikan Seni Visual, dengan kecenderungan melukis yang menandakan kedekatan mereka kepada alam. Kemahiran Bahasa Melayu turut bertambah melalui interaksi dengan komuniti luar, manakala bagi mata pelajaran Sains semua murid lulus. Namun, Matematik kekal sebagai subjek paling mencabar, seperti diakui guru, kerana kelemahan dalam teknik menjawab soalan.

### ***Kesimpulan***

Kajian ini menegaskan bahawa inisiatif pendidikan LZNK di Maahad Dini Sultan Abdul Halim telah menjadi pemangkin penting dalam usaha merapatkan jurang pendidikan komuniti Kensi. Melalui penilaian berpandukan Model CIPP, dapatan menunjukkan transformasi menyeluruh yang meliputi aspek keyakinan diri, kepimpinan insaniah, penghayatan agama, serta pencapaian akademik dan kokurikulum. Lebih signifikan, pendidikan zakat telah menjadi wahana perubahan sosial yang mengangkat komuniti Kensi daripada keterasingan kepada partisipasi lebih luas dalam ekosistem pendidikan arus perdana.

Kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan ilmu semakin terserlah melalui aspirasi mereka untuk melihat anak-anak berjaya dalam peperiksaan utama seperti SPM dan seterusnya melanjutkan pengajian tinggi. Naratif ini membuktikan bahawa kejayaan pelajar Kensi bukan sekadar pencapaian individu, tetapi juga berfungsi sebagai model sosial yang mampu mengubah persepsi dan aspirasi kolektif komuniti mereka. Hal ini seiring dengan hujah Ramli dan Dawood (2021) bahawa keberhasilan pendidikan dalam komuniti minoriti akan memobilisasi kesedaran pendidikan dalam kalangan generasi seterusnya.

Selain itu, keunikan sosio-budaya komuniti Kensi menuntut strategi pendidikan yang sensitif terhadap budaya (Aini et al., 2019), penglibatan aktif komuniti (Adam et al., 2022), dan sokongan berstruktur daripada institusi kewangan serta kebajikan (Bakar et al., 2022). Dapatan ini memperkukuh gagasan bahawa keberkesanan intervensi pendidikan untuk komuniti terpinggir memerlukan pendekatan ekosistem yang menyeluruh, di mana agensi zakat berperanan sebagai *mediator* sosial, ekonomi, dan spiritual. Inisiatif ini turut menyumbang kepada pencapaian agenda global *Education for All 2030* yang menekankan prinsip keadilan pendidikan (UNICEF, 2023).

Namun, kajian ini bersifat formatif dengan tempoh masa yang terhad. Penilaian jangka panjang masih diperlukan untuk memahami kesinambungan impak pendidikan zakat terhadap mobiliti sosial, kesinambungan akademik, serta identiti budaya komuniti Kensi selepas menamatkan sekolah menengah. Justeru, penyelidikan lanjutan disarankan menggunakan kerangka CIPP

secara *longitudinal* atau digabungkan dengan model penilaian lain, bagi menilai impak intervensi ini secara lebih menyeluruh terhadap transformasi komuniti Kensiu.

### Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan khusus kepada Lembaga Pengurusan Sekolah Zakat Kedah, yang telah memberikan dana penyelidikan untuk projek ini.

### Rujukan

- Adam, N. F. M., Rusli, N. F. M., Salleh, N. S., Mokhtar, W. K. W., Abdullah, S., & Handrianto, C. (2022). Kensiu language preservation: An analysis based on the typological framework of language threats. *Jundishapur Journal of Microbiology*, 15(1), 2640–2659.
- Ariffin, M. I. (2024). Exploring education zakat across various states in Malaysia. *International Journal of Islamic Finance*, 2(2), 28–46.
- Aini, Z., Don, A. G., Mokhtar, A. I., & Fauzi, N. U. A. (2019). Strategi komunikasi pemujukan pendakwah dalam penyampaian mesej Islam kepada masyarakat Orang Asli di Selangor: Persuasive strategies used by Muslim preachers in delivering Islamic messages to the Orang Asli community in Selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(1), 12–26.
- Andaya, L. Y. (2002). Orang Asli and the Melayu in the history of the Malay peninsula. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 75(1), 23–48.
- Bakar, N. A. A., Hashim, N., Othman, A., Tahir, R. M., & Azlan, M. N. N. M. (2022). Sekolah Zakat: Peluang peningkatan kualiti hidup menerusi institusi pendidikan. *International Journal of Islamic Business*, 7(1), 60–75.
- Chanthalangsy, P., et al. (2024). Using the CIPP model to evaluate an OB-GYN residency program. *BMC Medical Education*, 24, Article 280.
- Daud, M. S. M., & Wahid, H. (2025). The Influence of Zakat Management Institutions on Zakat Compliance Intention During the COVID-19 Lockdown in Malaysia: A Multilevel Analysis. *Institutions*, 1, 12.
- Gerayllo, S., et al. (2025). Using the CIPP model to elicit perceptions of medical education quality. *BMC Medical Education*.
- Hamzah, M. H., Ummah Abu Bakar Bakri, M. H., & Halim, H. A. (2024). Language Vitality of Kensiu: Issues of Intergenerational Language Transmission, Language Use, and Language Attitude. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 24(2).
- Hashim, N., Bhari, A., Ahmad, I., Yaakob, M., Yusof, M. M., Sulaiman, M., & Sunardi, D. (2024). Governance of Zakat Distribution in Malaysian Public Higher Education Institution. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(8).
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). (2018). *Jakoabilangan pelajar mengikut peringkat persekolahan November 2018*. Retrieved from [https://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/bilangan-pelajar-masyarakat-orang-asli-mengikut-peringkat-persekolahan-di-setiap-negeri/resource/2189cc06-f66d-4290-9af4-c6597d3cc194](https://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/bilangan-pelajar-masyarakat-orang-asli-mengikut-peringkat-persekolahan-di-setiap-negeri/resource/2189cc06-f66d-4290-9af4-c6597d3cc194)
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2024). *Jadual taburan etnik orang asli mengikut negeri*. Retrieved September 23, 2025, from <https://www.jakoa.gov.my/umum/jadual-taburan-etnik-orang-asli-mengikut-negeri/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Lembaga Zakat Kedah. (2020, January 6). *75 pelajar asnaf daftar Tingkatan 1 di Maahad Dini Sik*. Retrieved from <https://www.zakatkedah.com.my/75-pelajar-asnaf-daftar-tingkatan-1-di-maahad-dini-sik/>
- Mohamed Sultan, F. M., Jalaluddin, N. H., Ahmad, Z., & Radzi, H. (2016). The Kensiu noun phrase. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 24, 1–24.
- Mammadov, S., Topchyan, R., & Berisha, A. (2024). A meta-analytic review of personality and teacher–student relationship quality. *Social and Personality Psychology Compass*, 18(2).
- Ramli, M. W., & Dawood, S. R. S. (2021). To what extent is the lack of education awareness among Kensiu indigenous children in Baling, Kedah? A preliminary study. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 226–233.
- Stufflebeam, D. (2003). The CIPP model of evaluation. In T. Kellaghan, D. Stufflebeam, & L. Wingate (Eds.), *Springer international handbooks of education: International handbook of educational evaluation: Part one: Perspectives/Part two: Practice* (Vol. 9). Dordrecht: Springer Science & Business Media.
- Stufflebeam, D. L., & Coryn, C. L. (2014). *Evaluation theory, models, and applications* (Vol. 50). San Francisco, CA: John Wiley & Sons.
- Suryana, D., Husna, A., & Mahyuddin, N. (2023). CIPP evaluation model: Analysis of early childhood education during Covid-19. *Jurnal Obsesi*, 7(4), 4386–4396.
- UNICEF. (2023). *Education 2030 in Malaysia: 5-year national progress report on SDG 4*. Retrieved from <https://www.unicef.org/malaysia/>
- Westphal, A., et al. (2024). Who thinks about dropping out and why? Cognitive and motivational mechanisms. *Educational Research Review*.
- Yahaya, A. M., Moidin, S., Yakob, M. A., Zakaria, H. B., & Abdullah, M. (2022). Model wakaf pendidikan kelas al-Quran dan fardu ain (KAFA) secara maya fasa pandemik Covid-19: Waqaf education model of virtual al-Quran and fardu ain (KAFA) classes in the Covid-19 pandemic phase. *Sains Insani*, 21–33.
- Yale University. (2021). *CIPP model*. Retrieved from <https://poorvucenter.yale.edu/CIPP>